

TIMBALAN KM: TERSERAH KPD DR. MAHATHIR

PULAU PINANG, Rabu — Formula tentang Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dari UMNO terserah kepada keputusan yang akan diambil oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mahamad.

Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata lewat petang ini, UMNO Perhubungan Negeri akan menerima balik keputusan yang akan dibuat oleh Datuk Seri Dr. Mahathir mengenai soal tersebut.

Datuk Abdullah menegaskan demikian kepada para pemberita selepas mem-pengerusikan mesyuarat tertutup antara Ketua-ketua sembilan Bahagian UMNO dan wakil-wakil rakyat dari UMNO di Bangunan Yayasan Bumiputera di Jalan Sri Bahari di sini.

Katanya, mesyuarat tersebut juga telah mengambil keputusan untuk menyerahkan soal perlantikan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang mewakili UMNO kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.

Katanya: "Saya akan menyampaikan keputusan tersebut kepada Presiden Parti."

Datuk Abdullah tidak menyebut nama-nama bakal Exco tersebut.

Bagaimanapun beliau berkata, mereka akan dipilih dari seramai sepuluh orang Adun BN dari UMNO.

Datuk Abdullah

menegaskan, "Keputusan yang diambil oleh Datuk Seri Mahathir berhubung dengan perlantikan Exco dari UMNO akan diterima sepenuhnya oleh kesemua ADUN di negeri ini."

Soal kemungkinan besar Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dari UMNO kali ini telah menarik perhatian umum di Pulau Pinang.

Datuk Abdullah bagaimanapun enggan menjelaskan lebih lanjut perkara tersebut.

No. Siri 2692
No. Penerimaan 438/